

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

**PHARMANIAGA KONGSI PENGALAMAN OPERASI KILANG
PEMBUATAN FARMASEUTIKAL DENGAN PELAJAR SEKOLAH**

BANDAR BARU BANGI, 26 September 2018 – Seramai 40 murid bersama guru daripada Konvensyen Kepimpinan Murid Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Kebangsaan ke-11 Tahun 2018 telah berpeluang untuk melawat dan melihat sendiri proses pembuatan ubat-ubatan di kilang Pharmaniaga Manufacturing Berhad (Pharmaniaga) di Bangi.

Pengarah Komersial Pharmaniaga, Encik Zulhazri Razali berkata, lawatan yang julung kali diadakan bagi murid sekolah ini dapat memberi pendedahan dan inspirasi kepada peserta konvensyen tentang dunia pembuatan farmaseutikal dan kerjaya yang ditawarkan di dalam bidang pembuatan farmaseutikal.

“Di sini peserta konvensyen dapat melihat proses pembuatan ubat-ubatan dan peluang pekerjaan dalam bidang farmasi yang dapat memberikan pendedahan awal kepada mereka,” katanya.

Menurutnya, program lawatan ini merupakan program yang bagus untuk mendedahkan masyarakat terutamanya murid-murid sekolah tentang pembuatan ubat-ubatan generik serta pendedahan awal kepada peserta konvensyen mengenai laluan kerjaya selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Beliau berkata, tips untuk mencari kerja dan peluang pekerjaan yang ada selepas mereka tamat SPM juga turut dikongsi bersama peserta semasa sesi lawatan berkenaan.

“Semoga lawatan sambil belajar ini membuka minda dan memberi pengalaman berharga kepada peserta konvensyen dan kita berharap maklumat diperoleh turut dikongsi bersama rakan dan keluarga,” katanya.

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; penyelidikan dan pembangunan; pemasaran dan jualan; logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan; serta farmasi komuniti.

Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Bersandarkan pada moto *Passion For Patients*, Pharmaniaga meletakkan kepentingan pelanggan sebagai keutamaan dalam setiap gerak kerja dengan memastikan setiap produk dihasilkan adalah selamat dan berkualiti tinggi, serta disokong oleh perkhidmatan yang cemerlang.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com